

18 MAY 1999

Puteri Saadong

PUTERI SAADONG SUMBANG RM1 JUTA BAGI TABUNG KEMISKINAN KELANTAN

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Lagenda Kelantan, Puteri Saadong terus menyumbang untuk kebajikan rakyat negeri itu walaupun pementasan dan persembahannya tidak lagi dibenarkan di negeri kelahirannya itu.

Puteri Lagenda abad ke-17 itu, yang mengorbankan cintanya demi menyelamatkan tanah tumpah darahnya, Kota Mahligai, daripada serangan tentera Ayuthia, kini telah menyumbangkan RM1 juta melalui kutipan awal pementasan lagenda itu secara teater dari 29 Mei hingga 4 Jun ini.

Persembahan teater yang menggabung keseniaan Kelantan iaitu Selampit, Main Peteri, Makyong dan Dikir Barat itu akan berlangsung di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mulai 8.30 malam bermula 29 Mei.

Tiket-tiket untuk menyaksikan teater itu berharga RM20 dan RM30 boleh dibeli di kaunter tiket Auditorium DBKL atau dengan menelefon 03-9584894 atau 03-2725336.

Penaung persembahan teater itu, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa memberitahu persidangan berita di sini, hari ini, bahawa semua kutipan daripada persembahan itu akan disalurkan kepada Tabung Yayasan Kemiskinan Kelantan dan Tabung Warisan Seni Kelantan.

Annuar yang juga pengasas Yayasan Kemiskinan Kelantan berkata, kutipan awal daripada sektor korporat dan orang ramai yang menyokong persembahan itu kini berjumlah RM1 juta yang akan digunakan bagi membiayai pelajaran pelajar-pelajar miskin Kelantan dari sekolah rendah hingga peringkat universiti.

Teater itu bukan sekadar persembahan separuh muzikal yang unik kerana ia juga memaparkan mesej mengenai betapa sukarnya cabaran menangani krisis yang dihadapi oleh pemimpin masa kini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menjadi tetamu kehormat bagi persembahan perdana pada 4 Jun manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah pada persembahan gala sebulan selepas itu, katanya.

Menurut Annuar lagi, teater Puteri Saadong juga akan dipersembahkan pada Persembahan Diraja sempena sambutan keputeraan Sultan Pahang dan beberapa negeri lagi turut berminat mementaskannya.

"Bagaimanapun kita tidak tahu sama ada teater Puteri Saadong ini akan dapat dipersembahkan di negeri kelahirannya sendiri kerana Kerajaan Pas Kelantan mengharamkan persembahan seperti ini serta seni-seni persembahan tradisional yang lain seperti Makyong, Dikir Barat dan Main Peteri," katanya.

Antara pelakon teater arahan Cikgu Shariffudin Ab. Rahman itu ialah Anne Hamid sebagai Puteri Saadong, Raja Azura (Tun Kudu), Zulkifli Ismail (Raja Abdullah), Amran Nasaruddin (Sultan Muzaffar Shah) dan Sabri Yunus (Ungku Derahim).

Turut menjayakannya ialah Seri Panggung Makyong Khadijah Awang (Cik Siti Wan Kembang) dan Seniman Negara Hamzah Awang Hamat sebagai penasihat muzik tradisional.

Mengenai pemilihan pelakon utama bukan pelakon biasa dari Kelantan, Annuar berkata ini diharap dapat ketengahkan kesenian tradisional Kelantan itu ke tahap penerimaan sebagai sebahagian khazanah kesenian negara kerana kewujudannya di Kelantan sendiri sudah diancam kepentingan politik parti.

-- BERNAMA

MNY PR